KEMERIAHAN MAULIDUR RASUL TERUS TERASA

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bersama tetamu lain semasa majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, kelmarin.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew semasa mendengarkan ceramah khas sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Antara pegawai Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang hadir pada ceramah tersebut.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan Dikir Marhaban.

Oleh Syahmi Hassan, Ak Zaki Kasharan & Salawati Haji Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 OKT – Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW di negara ini terus disemarakkan dengan pelbagai acara termasuk ceramah khas dan forum yang diadakan oleh pelbagai pihak.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya, hari ini, juga telah mengadakan ceramah khas sempena sambutan berkenaan di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Kedua, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Dato Seri Paduka Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, setiausaha-setiausaha tetap dan timbalan setiausaha tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi termasuk pegawai dan kakitangan dari Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Brunei Darussalam Central Bank.

Pada majlis anjuran Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) itu, ceramah khas bertajuk 'Kecintaan terhadap Rasulullah SAW' telah disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Ismail dan diakhiri dengan Dikir Maulud yang disembahkan oleh pasukan dikir JKED.

Sementara itu, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta pihak berkuasa di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, hari ini.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis turut diserikan dengan ceramah khas bertajuk 'Mencintai Rasulullah untuk Syafaat' yang telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA), Haji Sammali bin Haji Adam.

Kemudian, majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban oleh pendikir gabungan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis juga diselajurkan dengan penyerahan cenderahati kepada pendikir yang mewakili kementerian tersebut pada hari kemuncak Maulidur Rasul peringkat negara pada 8 Oktober lalu.

Dalam pada itu, UNISSA menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW tahun ini dengan forum khas yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat semasa forum bertemakan 'Bersabar, Berikhtiar, Berdoa dan Bertawakal Menghadapi Ujian; Meraih Syafaat Rasulullah SAW' itu ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Forum menampilkan dua orang ahli panel iaitu pelajar Tahun 2 (Doktor Falsafah Usuluddin), Awang Muhammad Adib bin Haji Mohd Idris dari Fakulti Usuluddin dan pelajar Tahun 2 (Sarjana Usuluddin), Rifqi Hidayatil dari Fakulti Usuluddin.

Manakala itu, pelajar Tahun 1 (Doktor Falsafah dalam Bahasa Arab dan Terjemahan), Awang Muhammad Darussalam MB bin Haji Ahmad Hasyim dari Fakulti Bahasa Arab pula selaku moderator. Forum tersebut antara lain mengongsikan konsep sabar, ikhtiar, doa dan tawakal yang mana ia merupakan amal-amal soleh yang dianjurkan Allah SWT dalam Al-Quran.

Menurut mereka, bersabar dalam menghadapi ujian yang menimpa, berikhtiar untuk menyelesaikan masalah yang melanda, berdoa memohon pertolongan kepada Allah SWT serta bertawakal dalam segala urusan merupakan aspek penting untuk meraih reda Allah SWT dan syafaat Rasulullah SAW.

Dr Haji Norarfan hadir bersama tetamu khas semasa majlis sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA, kelmarin.

Antara yang hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Auditorium, UNISSA, kelmarin.